



MOKHZANI

Saya bukan cari keuntungan — Mokhzani

KUALA LUMPUR 19 Nov. — Mokhzani, anak Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau menyertai UMNO bukan untuk mendapat keuntungan perniagaan melalui politik.

Beliau yang menjadi perwakilkan dari Bahagian Merbok juga mengetepikan anggapan bahawa penyertaannya dalam parti itu adalah semata-mata kerana bapanya, Dr. Mahathir

adalah Presiden parti dan Perdana Menteri.

Menurut Mokhzani, tujuan beliau menyertai UMNO adalah berdasarkan kepada hasratnya untuk sama-sama berjuang melalui parti itu.

“Saya masuk UMNO sejak 1989 tetapi tidak aktif kerana sibuk menguruskan perniagaan dan saya menumpukan kepada perniagaan terlebih dahulu kerana memerlukan

tapak,” kata Pengarah Urusan Tongkah Holdings itu kepada pemberita di sini hari ini.

Ditanya sama ada beliau berminat untuk bertanding merebut jawatan Exco Pemuda pada tahun 1996, Mokhzani berkata, beliau bersetuju untuk bertanding sekiranya Pemuda merasakan beliau layak untuk diberikan tanggungjawab.

“Jika Pemuda rasa saya di-

perlukan saya akan menerimanya dan akan bertanding,” katanya.

Mengenai pencapaian Exco Pemuda, Hishamuddin Tun Hussein yang juga anak bekas Presiden UMNO, Allahyarham Tun Hussein Onn, beliau berkata, kejayaan Hishamuddin sekarang kerana beliau bekerja keras untuk membuktikan kebolehannya.

■ Lihat muka 2

Saya bukan cari keuntungan — Mokhzani

Mokhzani juga menafikan dakwaan bahawa menjadi anak seorang presiden memudahkan sesiapa saja untuk mendapatkan kedudukan dalam UMNO.

“Ia tidak mudah seperti apa yang disangkakan. Apa yang dicapai oleh Hishamuddin sekarang adalah hasil daya usahanya sendiri,” katanya.

Mengenai sama ada beliau berminat untuk menjadi calon pada pilihanraya akan datang, Mokhzani berkata, beliau tidak pernah memikirkan perkara tersebut kerana semua itu masih terlalu jauh bagi kariernya dalam politik.

“Saya masih baru dalam UMNO dan sedang memulakan karier politik, menjadi calon pada pilihanraya adalah terkeluar daripada soalan,” katanya.

Ditanya mengenai siapakah tokoh politik tempatan yang dikaguminya, Mokhzani berkata, beliau mengagumi bapanya kerana sumbangan besarnya kepada pembangunan negara seperti yang dinikmati sekarang.

“Secara peribadi saya kagum pada Dr. Mahathir kerana membawa banyak perubahan kepada negara dan kemajuan yang ada sekarang,” katanya.

Dr. M. M. (profile.)
Dr. M. M.
Dr. M. M.